

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
BUKAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KE DUA, PENGGAL KE TIGA,
PARLIMEN EMPATBELAS**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

DARIPADA : YB TUAN KARUPAIYA A/LMUTUSAMI (PADANG SERAI)

SOALAN

TUAN KARUPAIYA A/L MUTUSAMI [PADANG SERAI] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan peruntukan bilangan anggota polis di kawasan Padang Serai di mana bilangan anggota polis yang ada kini tidak mencukupi dalam menangani gejala sosial akibat peningkatan bilangan penduduk di kawasan Padang Serai. Adakah Kementerian mempunyai rancangan untuk meningkatkan bilangan anggota polis di kawasan tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Pesempadanan Balai Polis yang terlibat adalah di dalam P17 adalah meliputi 4 buah Balai Polis iaitu Balai Polis Kulim, Balai Polis Padang Serai, Balai Polis Lunas dan Balai Polis Sg. Karang.

PDRM khususnya telah menetapkan keutamaan perancangan tahun 2020/2021 untuk menyediakan Kajian Cadangan Pengukuhan/ Pertambahan Perjawatan Balai Polis Kategori E berdasarkan kepada keperluan dan kewajaran seiring dengan kemajuan serta kerancangan pertumbuhan pembangunan ekonomi Negara, di mana isu kekurangan keanggotaan bagi Balai Polis di bawah P17 adalah dalam senarai kajian yang dilaksanakan dalam usaha memperkasakan PDRM bagi memastikan kestabilan dan keharmonian keselamatan serta ketenteraman awam penduduk di kawasan tersebut.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : PUAN KASTHURIRAANI A/P PATTO
[BATU KAWAN]**

SOALAN

PUAN KASTHURIRAANI A/P PATTO [BATU KAWAN] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan dengan terperinci :-

- (a) bilangan doktor mengikut jantina dari segi kepakaran dan gred di hospital Kerajaan yang terlibat di dalam usaha menangani COVID-19 dan bilangan jururawat di hospital Kerajaan; dan
- (b) bilangan tempat yang masih kosong serta bilangan 'houseman' yang menunggu 'posting' mereka.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Dalam usaha untuk membendung dan menangani penularan wabak COVID-19 di seluruh negara, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) tidak menitikberatkan faktor jantina pegawai perubatan dalam memberikan perkhidmatan kesihatan.
2. Secara dasarnya, terdapat sebanyak 38 hospital KKM di seluruh negara yang dikhaskan untuk merawat pesakit COVID-19 dan 118 hospital KKM untuk menjalankan saringan.

SOALAN NO. 189

3. Sehingga 31 Mac 2020, jumlah anggota kesihatan yang berkhidmat di KKM adalah seperti berikut:

- (a) Pegawai Perubatan Pakar seramai 5,322 orang;
- (b) Pegawai Perubatan seramai 32,118 orang; dan
- (c) Jururawat seramai 65,718 orang.

4. Selain itu, bagi memenuhi keperluan perkhidmatan yang mendesak pada waktu tersebut, KKM juga telah melantik secara kontrak seramai 2,467 orang bagi skim perkhidmatan seperti berikut:

- (a) Pengamal Perubatan Swasta (pembelian perkhidmatan) seramai 76 orang;
- (b) Pegawai Sains Mikrobiologi seramai 37 orang;
- (c) Pegawai Sains Biomedikal seramai lima (5) orang;
- (d) Pegawai Sains Kimia Hayat seramai tujuh (7) orang;
- (e) Jururawat seramai 1,120 orang;
- (f) Jururawat (pesara) seramai 100 orang;
- (g) Penolong Pegawai Perubatan seramai 1,078 orang; dan
- (h) Juruteknologi Makmal Perubatan seramai 44 orang.

Tuan Yang di-Pertua,

5. Pada masa ini, terdapat sebanyak 12,153 slot latihan di 48 buah Hospital Latihan Siswazah (HLS) yang mana kesemua slot tersebut telah diisi penuh semasa pengambilan pada bulan Julai 2020 dibuat. Pelantikan kohort seterusnya akan dibuat pada bulan Ogos 2020.

6. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, terdapat seramai 1,335 orang graduan perubatan yang telah berdaftar dengan Majlis Perubatan Malaysia dan melepasi tapisan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) sehingga 8 Disember 2019 sedang menunggu untuk ditawarkan penempatan di HLS seluruh Malaysia.

Sekian, terima kasih.